



# **CUKAI PELANCONGAN 2017**

## **PANDUAN**

### **CUKAI PELANCONGAN KE**

### **ATAS PENGENDALI**

### **PREMIS PENGINAPAN**

**Diterbitkan oleh :**

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia**

**Bahagian Cukai Dalam Negeri**

**Putrajaya**

**06 DISEMBER 2024**

## **Penerbitan**

Tarikh dikemaskini : 06 Disember 2024

*Panduan ini menggantikan Panduan Am Cukai Pelancongan yang bertarikh 4 Ogos 2021.*

## **Notis Hak Cipta**

Hak Cipta 2024 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan, diedarkan, disimpan dalam sistem perolehan kembali atau dihantar dalam apa-apa bentuk atau dengan apa-apa cara, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis Jabatan Kastam Diraja Malaysia kecuali dalam kes ringkas petikan yang terkandung dalam ulasan kritikal dan penggunaan bukan komersial lain yang dibenarkan oleh Akta Hakcipta 1987 (Akta 332). Perakuan sumber diperlukan dalam penghasilan semula atau pemetikan kandungan.

## **Penolakan Tuntutan**

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang layanan yang berkaitan di bawah Cukai Pelancongan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk menyelesaikan semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau sebarang kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat daripada Panduan ini. Semua maklumat adalah terkini pada masa penyediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

## KANDUNGAN

<b>PENGENALAN</b>	<b>1</b>
Latar Belakang Cukai Pelancongan	1
<b>DEFINISI</b>	<b>1</b>
Pelancong	1
Saraan	2
Premis Penginapan	3
Pengendali	3
<b>PENGENAAN DAN KADAR CUKAI PELANCONGAN</b>	<b>4</b>
Pengiraan Cukai Pelancongan	7
<b>PENGECUALIAN DARIPADA CUKAI PELANCONGAN</b>	<b>8</b>
Pengecualian daripada Membayar Cukai Pelancongan	8
Pengecualian daripada Berdaftar dan Memungut Cukai Pelancongan	9
<b>DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK MENGENALPASTI</b>	
<b>PELANCONG ASING</b>	<b>10</b>
<b>PENDAFTARAN</b>	<b>15</b>
<b>INVOIS, REKOD, PENYATA DAN TAKSIRAN</b>	<b>17</b>
Invois	18
Nota Kredit dan Nota Debit	19
Penyimpanan Rekod	21
Tempoh Bercukai	22

<b>PERAKAUNAN CUKAI PELANCONGAN</b>	<b>24</b>
Penyata dan Pembayaran Cukai Pelancongan	24
Pembetulan Kesilapan	25
Cara Pengemukakan Penyata dan Pembayaran	26
<b>PEREMITAN, PEMBAYARAN BALIK DAN PULANG BALIK</b>	<b>29</b>
Pemotongan daripada Penyata bagi Cukai Pelancongan yang Dipulang Balik	30
Pembayaran Secara Ansuran	31
<b>KESALAHAN-KESALAHAN BOLEH DIKOMPAN</b>	<b>32</b>
<b>INKUIRI</b>	<b>36</b>
<b>BANTUAN DAN INFORMASI BERKAITAN CUKAI PELANCONGAN</b>	<b>36</b>
<b>SOALAN-SOALAN LAZIM</b>	<b>37</b>
<b>LAMPIRAN 1</b>	<b>45</b>

## PENGENALAN

1. Panduan ini disediakan untuk membantu pengendali yang menyediakan premis penginapan dan pelancong yang menginap di premis penginapan dalam memahami konsep pelaksanaan Cukai Pelancongan di Malaysia.
2. Panduan ini tidak terpakai ke atas pengenaan cukai pelancongan oleh Pemberi Perkhidmatan Platform Digital (PPPD). Sila rujuk *Panduan Cukai Pelancongan (Pemberi Perkhidmatan Platform Digital)* untuk maklumat lanjut berkaitan pengenaan cukai pelancongan oleh PPPD.

### Latar Belakang Cukai Pelancongan

3. Pelaksanaan Cukai Pelancongan diperuntukkan di bawah perundangan berikut:
  - a. Akta Cukai Pelancongan 2017;
  - b. Peraturan-Peraturan Cukai Pelancongan 2017;
  - c. Perintah Cukai Pelancongan (Kadar Cukai) 2017;
  - d. Perintah Cukai Pelancongan (Pengecualian) 2017; dan
  - e. Akta Industri Pelancongan 1992

## DEFINISI

### Pelancong

4. Istilah "pelancong" telah ditakrifkan di bawah Seksyen 2, Akta Industri Pelancongan 1992 seperti berikut:

Mana-mana orang, sama ada dia ialah seorang warganegara Malaysia atau selainnya, yang melawat mana-mana tempat di dalam Malaysia untuk apa-apa maksud yang berikut, iaitu:-

- a. keseronokan, rekreasi atau percutian;
- b. kebudayaan;

- c. keagamaan;
- d. melawat kawan atau saudara-mara;
- e. sukan;
- f. perniagaan;
- g. mesyuarat, persidangan, seminar atau konvensyen;
- h. pengajian atau penyelidikan;
- i. apa-apa tujuan selain daripada pekerjaan yang mendapat sebarang saraan di tempat yang dilawati.

### **Saraan**

5. Istilah "saraan" telah ditakrifkan dalam Perlembagaan Persekutuan, Bahagian XII - Am Dan Pelbagai, Perkara 160 seperti berikut:

"Saraan" termasuklah gaji atau upah, elaun, hak pencen, perumahan percuma atau bersubsidi, pengangkutan percuma atau bersubsidi dan keistimewaan lain yang dapat dinilai dengan wang.

### **Contoh 1**

*Seorang warga Indonesia melawat Melaka untuk mendapatkan rawatan perubatan di Pusat Perubatan Eye Specialist. Sepanjang tempoh rawatan, beliau menginap di hotel yang berhampiran. Beliau dianggap sebagai pelancong sebagaimana yang dinyatakan pada perenggan 4(i) di atas.*

### **Contoh 2**

*Yanti seorang warga Indonesia digajikan sebagai pembantu rumah oleh Puan Mahani di Segamat, Johor. Setiap hujung bulan, Yanti akan membuat kerja sampingan di rumah pelanggan yang lain di luar Segamat dan mendapat upah untuk tugas tersebut. Kebiasaannya Yanti akan menginap di hotel berhampiran rumah pelanggannya. Yanti dianggap sebagai pelancong dan dikenakan cukai pelancongan kerana menginap di hotel yang lokasinya berada di luar kawasan yang dinyatakan sebagai tempat pengajiannya dalam pas kerja.*

### **Contoh 3**

*Seorang penari daripada Jerman telah dijemput untuk membuat persembahan di Hotel Suisse98, Pahang dan pihak hotel telah membuat bayaran untuk setiap persembahan yang dilakukan kepada syarikat penari tersebut. Penari juga mendapat kemudahan menginap di hotel tersebut. Penari dianggap sebagai pelancong kerana beliau tidak mendapat sebarang gaji tetap daripada hotel tersebut.*

### **Premis Penginapan**

6. Istilah "premis penginapan" telah ditakrifkan di bawah Seksyen 2, Akta Industri Pelancongan 1992 seperti berikut:

- mana-mana bangunan, termasuk asrama, hotel, rumah inapan, rumah tumpangan, rumah rehat, rumah pemalaman dan struktur lain sama ada kekal atau sementara, yang dikemukakan oleh tuan punya, pemilik atau pengurus, sama ada keseluruhan atau sebahagiannya, sebagai menawarkan tempat penginapan pemalaman atau tempat tidur kepada pelancong untuk disewa atau dengan balasan apa-apa bentuk ganjaran yang lain, sama ada makanan atau minuman juga disediakan atau tidak.

7. Premis penginapan adalah termasuk kapal persiaran (*cruise*) dan penginapan yang inovatif seperti hotel jenis Apache, karavan, kontena, bustel, rumah bot, rumah pokok, kapsul, tiub, khemah dan penginapan yang serupa.

8. Seseorang yang mengendalikan atau menguruskan premis penginapan dipanggil pengendali di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 (ACP 2017).

### **Pengendali**

9. Pengendali bermaksud mana-mana orang yang mengendalikan premis penginapan sepertimana yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2, ACP 2017.

10. Pengendali ialah:
  - a. Pemilik premis yang mengendalikan premis penginapannya sendiri; atau
  - b. Mana-mana orang selain daripada pemilik premis yang menguruskan premis penginapan dan mengenakan caj pengurusan ke atas perkhidmatan pengurusan yang diberikan.
  
11. Pengendali hendaklah juga menawarkan perkhidmatan seperti pengurusan tempahan premis, pengemasan bilik, keselamatan, tempat letak kereta, lif dan perakaunan (kutipan, bayaran dan pulang balik).
  
12. Pengendali tidak termasuk mana-mana orang yang hanya menyewakan premis penginapan dan memungut bayaran sewa tanpa menyediakan sebarang perkhidmatan berkaitan pengurusan premis penginapan.

#### **Contoh 4**

*Seorang warganegara Malaysia memiliki sebuah kondominium di Shah Alam dan beliau menyewakannya kepada seorang warganegara asing yang bekerja di Malaysia. Perjanjian sewaan adalah bagi tempoh 3 tahun. Pengendali tidak menyediakan sebarang perkhidmatan kepada penyewa tersebut. Pengendali tersebut tidak dianggap sebagai pengendali yang menyediakan premis penginapan.*

#### **Contoh 5**

*Pemilik premis penginapan telah menyerahkan pengurusan premis penginapan kepada sebuah syarikat Triplite Management Sdn Bhd. Walau bagaimanapun, pemilik premis ada menyediakan dan menguruskan ruang parkir untuk pelanggan premis penginapan. Dalam hal ini, pemilik premis tidak dianggap sebagai pengendali kerana tidak menguruskan premis penginapan tersebut sebaliknya hanya menyediakan perkhidmatan sampingan sahaja.*

### **PENGENAAN DAN KADAR CUKAI PELANCONGAN**

13. Cukai Pelancongan adalah cukai yang dikenakan dan dilevi ke atas pelancong yang menginap di mana-mana premis penginapan di Malaysia yang disediakan oleh



pengendali pada kadar yang ditetapkan iaitu RM10.00 untuk sebilik semalam.

14. Pengendali yang menyediakan premis penginapan kepada pelancong adalah bertanggungjawab untuk mengenakan dan memungut cukai pelancongan daripada pelancong yang menginap di premis penginapan tersebut semasa mendaftar masuk.

15. Cukai pelancongan yang dipungut atau bertanggung untuk dipungut hendaklah diakaun dan dikemukakan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

16. Pelancong adalah bertanggungjawab untuk membayar cukai pelancongan yang dikenakan ke atasnya.

17. "Menginap" dalam konteks pengenaan cukai pelancongan adalah apabila pelancong mendaftar masuk di premis penginapan yang ditempah.

18. "Bilik" dalam konteks pengenaan cukai pelancongan merujuk kepada ruang penginapan yang dikenakan caj penginapan sebagai satu unit sebagaimana yang diiklan atau ditawarkan untuk penempahan.

### **Contoh 6**

Nick Resort Cherating berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 dan menawarkan premis penginapan jenis chalet 2 bilik kepada pelancong. Dalam senario ini, cukai pelancongan akan dicaj berdasarkan chalet yang ditawarkan dan bukannya mengikut bilangan bilik dalam chalet.

19. "Kadar bayaran bilik" dalam konteks pengenaan cukai pelancongan ialah harga sebuah bilik atau unit yang diiklan atau ditawarkan oleh pengendali premis penginapan.

20. "Malam" dalam konteks pengenaan cukai pelancongan bermaksud satu tempoh masa seseorang pelancong mendaftar masuk hingga mendaftar keluar premis penginapan pada keesokkannya dan dikenakan caj bayaran pada kadar bilik atau unit

yang diiklan atau ditawarkan bagi penginapan tersebut.

### Contoh 7

Daftar Masuk	Daftar Keluar	Tempoh Masa Penginapan	Caj Dikenakan oleh Pengendali	Bil. Malam
4 Mac 2023, 3.00 petang	5 Mac 2023, 12.00 tengah hari	21 jam	RM250.00	1
2 Oktober 2023, 11.00 malam	3 Oktober 2023, 2.30 pagi	3 jam 30 minit	RM250.00	1
4 Jun 2023, 5.00 petang	6 Jun 2023, 3.00 petang	46 jam	RM500.00	2

21. Tiada cukai pelancongan dikenakan ke atas caj daftar masuk awal atau daftar keluar lewat sekiranya nilai caj yang dikenakan bukan pada kadar bilik atau unit yang diiklan atau ditawarkan oleh pengendali premis penginapan.

### Contoh 8

*Eric telah menginap satu malam di Hotel Orkido pada kadar RM200.00 sebilik. Dia telah mendaftar masuk pada 1 Mac 2023 dan dikehendaki untuk mendaftar keluar pada jam 12.00 tengah hari pada 2 Mac 2023. Namun, Eric memohon untuk melewati daftar keluarnya pada jam 4.00 petang. Hotel Orkido telah mengenakan caj tambahan daftar keluar lewat kepada Eric berjumlah RM50.00. Tiada cukai pelancongan perlu dikenakan ke atas caj tambahan tersebut.*

### Contoh 9

*Fatty telah membuat tempahan untuk menginap di Hotel Laksmiana pada 25 Jun 2022 pada harga bilik RM180.00. Masa daftar masuk yang dibenarkan oleh hotel adalah pada jam 2.00 petang. Walau bagaimanapun, Fatty telah tiba di Hotel Laksmiana pada jam 6.00 pagi dan ingin mendaftar masuk lebih awal daripada masa yang ditetapkan. Hotel Laksmiana telah membenarkan Fatty berdaftar masuk lebih awal daripada masa yang ditetapkan dan telah mengenakan caj tambahan yang bersamaan dengan harga bilik semalam iaitu RM180.00. Oleh itu, Fatty perlu membayar cukai pelancongan sebanyak RM20.00 (2 malam).*

22. Penginapan percuma yang ditawarkan oleh pengendali kepada pelancong adalah tertakluk kepada cukai pelancongan.

### Contoh 10

*Jeong Ki telah memenangi satu cabutan bertuah berupa penginapan percuma selama satu malam di Hotel Azwanee. Hotel Azwanee selaku pengendali premis penginapan hendaklah mengenakan dan memungut cukai pelancongan ke atas bilik percuma yang disediakan kepada Jeong Ki.*

23. Deposit atau bayaran pendahuluan ke atas sesuatu tempahan premis penginapan semata-mata adalah tidak tertakluk kepada cukai pelancongan.

### Pengiraan Cukai Pelancongan

24. Cukai pelancongan dikenakan sebanyak RM10.00 bagi harga satu bilik atau unit yang diiklan atau ditawarkan oleh pengendali premis penginapan untuk satu malam.

### Contoh 11

*George telah menempah satu bilik untuk satu malam di Hotel Awanio (pengendali premis penginapan yang berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017) dan dikenakan caj bilik pada kadar RM500.00. Pengiraan cukai pelancongan adalah seperti berikut:*

<b>Bayaran dikenakan</b>	<b>Kadar</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
<i>Caj bilik</i>	<i>RM500.00 x 1 bilik x 1 malam</i>	<i>500.00</i>
<i>Caj perkhidmatan (10%)</i>	<i>RM500.00 x 10%</i>	<i>50.00</i>
<b>Cukai Pelancongan</b>	<b>RM10.00 x 1 bilik x 1 malam</b>	<b>10.00</b>
<b>Jumlah Bayaran Dikenakan</b>		<b>560.00</b>

### Contoh 12

Melly telah menempah satu bilik untuk satu malam di Hotel Samosa yang terletak di Melaka (pengendali premis penginapan yang berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018) dan dikenakan caj bilik pada kadar RM500.00.

Pecahan cukai adalah seperti berikut:

<b>Bayaran dikenakan</b>	<b>Kadar</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
<i>Caj bilik</i>	<i>RM500.00 x 1 bilik x 1 malam</i>	<i>500.00</i>
<i>Caj perkhidmatan (10%)</i>	<i>RM500.00 X 10%</i>	<i>50.00</i>
<i>Cukai Perkhidmatan (8%)</i>	<i>RM550.00 x 8%</i>	<i>44.00</i>
<i>Cukai Warisan</i>	<i>RM2.00</i>	<i>2.00</i>
<b>Cukai Pelancongan</b>	<b>RM10.00 x 1 bilik x 1 malam</b>	<b>10.00</b>
<b>Jumlah Bayaran Dikenakan</b>		<b>606.00</b>

### PENGECUALIAN DARIPADA CUKAI PELANCONGAN

25. Seksyen 9 ACP 2017 memperuntukkan kuasa kepada Menteri Kewangan untuk mengecualikan mana-mana orang daripada keseluruhan atau mana-mana peruntukan ACP 2017.

#### Pengecualian daripada membayar cukai pelancongan

26. Perenggan 2, Perintah Cukai Pelancongan (Pengecualian) 2017 mengecualikan kategori pelancong berikut daripada membayar cukai pelancongan apabila menginap di mana-mana premis penginapan di Malaysia:

- a. seorang pelancong yang merupakan warganegara Malaysia (memegang kad pengenalan MyKad); dan
- b. seorang pelancong yang merupakan penduduk tetap Malaysia. (memegang kad MyPR).

### **Pengecualian daripada berdaftar dan memungut cukai pelancongan**

27. Perenggan 3 Perintah Cukai Pelancongan (Pengecualian) 2017 mengecualikan kategori pengendali berikut daripada berdaftar dan memungut cukai pelancongan:

- a. Pengendali premis penginapan yang mempunyai empat bilik penginapan atau kurang;
- b. Pengendali yang mengendalikan *homestay* di bawah *Program Pengalaman Homestay Malaysia* sebagaimana yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dan berdaftar dengan Kementerian tersebut;
- c. Pengendali yang mengendalikan *kampungstay* di bawah *Program Visit My Kampung : Kampungstay* sebagaimana yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dan berdaftar dengan Kementerian tersebut;
- d. Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau badan berkanun, pihak berkuasa tempatan atau institusi pengajian tinggi swasta yang berdaftar di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Act 555] yang mengendalikan premis penginapan sebagai kemudahan bagi maksud pendidikan, latihan atau kebajikan;  
Contoh premis penginapan berkaitan yang dikecualikan daripada pendaftaran dan pengenaan cukai pelancongan adalah seperti berikut:
  - i. Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL)
  - ii. Lanai Kijang Bank Negara Malaysia
  - iii. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
  - iv. Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- e. Institusi Pendidikan Swasta yang berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1996 yang mengendalikan premis penginapan sebagai kemudahan bagi

- pelajar institusi pendidikan swasta itu;
- f. Majikan yang mengendalikan premis penginapan sebagai kemudahan kepada pekerjanya; dan
  - g. Badan agama atau kebajikan yang diluluskan oleh Menteri, yang mengendalikan premis penginapan untuk tujuan aktiviti keagamaan atau kebajikan dan bukan untuk tujuan komersil dan berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang mengawal selia badan itu.

28. Pengendali di bawah para 27(f) yang membenarkan pihak ketiga mengendalikan premis penginapan pekerja di mana tempat penginapan yang disediakan adalah untuk tujuan selain daripada kemudahan untuk pekerja mereka sendiri, pengendali pihak ketiga itu adalah dikehendaki berdaftar di bawah ACP 2017.

#### **DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK MENGENAL PASTI PELANCONG ASING**

29. Dokumen utama yang diperlukan untuk mengenal pasti pelancong asing yang mendaftar masuk ke sesebuah premis penginapan adalah pasport yang mengandungi maklumat diperlukan dalam invoice yang dikeluarkan kepada pelancong, contohnya nama penuh, alamat tempat tinggal dan nombor pasport pelancong.

30. Dalam hal ini, Jabatan Imigresen Malaysia akan mengeluarkan pas khusus kepada warga asing yang menunjukkan tujuan lawatan ke Malaysia. Pas tersebut akan dilekatkan di dalam pasport dan ia mengandungi maklumat seperti nama, jantina, warganegara, syarat-syarat untuk tinggal dan alamat majikan sekiranya warga asing merupakan seorang pekerja di Malaysia.

Untuk membantu pengendali premis penginapan menentukan sama ada warga asing tersebut dianggap sebagai pelancong atau tidak, maklumat di bawah boleh digunakan sebagai panduan;

<b>Bil</b>	<b>Jenis-jenis Pas</b>	<b>Ciri-ciri</b>	<b>Tindakan oleh Pengendali</b>
1	Pas Lawatan (Sosial) Jangka Pendek	Dikeluarkan kepada pelancong biasa.	Pengendali perlu mengenakan cukai pelancongan kepada pemegang pas ini kerana dia adalah pelancong.
2	Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang	<p>i. Dikeluarkan kepada warga asing yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.</p> <p>ii. Hanya untuk tinggal sementara tidak kurang daripada 6 bulan.</p>	<p>Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang tidak membenarkan orang itu bekerja di Malaysia jadi dia dianggap sebagai pelancong.</p> <p>Pengendali perlu mengenakan cukai pelancongan.</p>
3	Pas Residen	<p>i. Dikeluarkan kepada warga asing yang mempunyai ikatan kekeluargaan dengan warganegara Malaysia.</p> <p>ii. Dikeluarkan kepada warga asing yang mempunyai ikatan kekeluargaan dengan Pemastautin Tetap.</p> <p>iii. Dikeluarkan kepada</p>	Pas Residen tidak mengandungi maklumat untuk menunjukkan bahawa orang itu bekerja di Malaysia, jadi dia dianggap sebagai pelancong. Pengendali perlu mengenakan cukai pelancongan.

		<p>bekas warganegara Malaysia.</p> <p>iv. Telah berada di Malaysia dengan Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang yang sah sekurang-kurangnya tiga (3) atau lima (5) tahun.</p>			
4	Pas Lawatan (Ikhtisas)	<p>i. Dikeluarkan kepada profesional warga asing untuk bekerja di Malaysia atau menghadiri/menjalankan latihan di Malaysia (tanpa bergaji di Malaysia)</p> <p>ii. Tinggal untuk jangka masa tidak melebihi 12 bulan.</p> <p>iii. Gaji tidak dibayar oleh majikan di Malaysia.</p>	<p>Pemegang pas ini adalah pelancong tidak kira di mana dia bekerja atau menghadiri/menjalankan latihan. Pengendali perlu mengenakan cukai pelancongan kepadanya.</p>		
5	Pas Lawatan Kerja Sementara	<p>i. Dikeluarkan kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pekerja Asing</li> <li>- Pembantu Rumah Asing</li> </ul>	<p>Cukai pelancongan perlu dikenakan bergantung kepada situasi di bawah:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%; text-align: center;">Bukan Pelancong</td> <td style="width: 50%; text-align: center;">Pelancong</td> </tr> </table>	Bukan Pelancong	Pelancong
Bukan Pelancong	Pelancong				



		<p>ii. Bekerja dalam bidang perkhidmatan, perkilangan, pertanian, pembinaan, peladangan dan perlombongan &amp; pengkuarian.</p> <p>iii. Dibenarkan bekerja dalam tempoh tidak melebihi 5 tahun.</p> <p>iv. Gaji dibayar oleh majikan di Malaysia.</p>	<p>Warga asing tidak dianggap sebagai pelancong jika dia menginap di premis penginapan di dalam kawasan di sekitar lokasi yang dinyatakan di dalam pas.</p> <p><b>Contoh:</b></p> <p>Miss Joy merupakan pembantu rumah asing yang bekerja untuk sebuah keluarga di Kajang. Semasa hari cutinya, dia tinggal di sebuah hotel di bandar Kajang. Hotel ini tidak perlu mengenakan cukai pelancongan kepada Miss Joy kerana dia tidak</p>	<p>Dalam situasi yang lain, jika pembantu rumah tersebut pergi bercuti dan menginap di sebuah hotel di Genting Highland, dia dianggap sebagai pelancong kerana lokasi hotel di luar kawasan yang dinyatakan di dalam pas. Pengendali perlu mengenakan cukai pelancongan.</p>
--	--	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

			dianggap sebagai pelancong.	
6	Pas Penggajian.	<p>i. Dikeluarkan kepada ekspatriat untuk membenarkannya tinggal dan bekerja secara sah di Malaysia.</p> <p>ii. Gaji dibayar oleh majikan di Malaysia.</p>	Sama seperti di Bil. 5 di atas.	
7	Pas Pengecualian (Exemption Order)	<p>i. Dikeluarkan kepada Perwakilan Asing serta Pertubuhan Antarabangsa di Malaysia.</p> <p>ii. Dimohon melalui Kementerian Luar Negeri (KLN) mengikut tempoh sah laku pasport yang mana satu terdahulu.</p> <p>iii. Tempoh pas selaras dengan surat sokongan dari KLN.</p>	Sama seperti di Bil. 5 di atas.	

Penafian: Sila ambil perhatian bahawa walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa maklumat di atas adalah terkini dan tepat, ciri-ciri yang tidak disenaraikan dalam jadual hendaklah dirujuk kepada Jabatan Imigresen Malaysia

untuk verifikasi dan pengesahan.

## **PENDAFTARAN**

31. Semua pengendali premis penginapan dikehendaki untuk berdaftar di bawah ACP 2017 kecuali pengendali-pengendali yang disenaraikan di bawah Perintah Cukai Pelancongan (Pengecualian) 2017.

### **Contoh 13**

Ameerol mengendalikan sebuah premis penginapan di Putrajaya dan menawarkan 3 bilik untuk diinap. Ameerol tidak dikehendaki untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 memandangkan bilangan bilik yang ditawarkan adalah kurang daripada 4 bilik.

### **Contoh 14**

Seorang pengendali 'homestay' mengendalikan 2 premis penginapan yang mempunyai 3 bilik setiap premis untuk diinap. Jumlah bilangan bilik yang ditawarkan adalah sebanyak 6 bilik. Pengendali dikehendaki untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 kecuali jika pengendali itu telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia di bawah Program Pengalaman Homestay Malaysia.

### **Contoh 15**

Jeslina menawarkan 15 bilik daripada 3 premis penginapan yang terletak di Pulau Pinang dan Putrajaya. Jeslina dikehendaki untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 kerana menawarkan premis penginapan lebih daripada 4 bilik penginapan.

32. Mana-mana pengendali yang menyediakan premis penginapan dan bertanggung untuk berdaftar cukai pelancongan adalah dikehendaki untuk berdaftar di bawah ACP 2017 dan memohon untuk berdaftar dalam tempoh tiga puluh (30) hari

daripada tarikh mula pengendalian premis penginapan.

33. Pengendali hendaklah mengemukakan permohonan kepada Ketua Pengarah dengan menggunakan Borang TTx-01 secara elektronik melalui Portal MyTTx ([www.myttx.customs.gov.my](http://www.myttx.customs.gov.my)). Sila rujuk *Panduan Pendaftaran Cukai Pelancongan* dan *Panduan Mengisi Borang TTx-01* dalam portal berkenaan untuk maklumat lanjut.

34. Ketua Pengarah akan mendaftarkan pengendali yang memohon pendaftaran berkuatkuasa pada hari pertama bulan berikutnya selepas permohonan dikemukakan.

35. Ketua Pengarah akan mendaftarkan setiap pengendali premis penginapan dan menetapkan serta mengeluarkan kepadanya:

- a. Nombor Pendaftaran Cukai Pelancongan; dan
- b. Sijil Pendaftaran sebagai Pengendali Premis Penginapan Cukai Pelancongan.

36. Pengendali hendaklah mempamerkan sijil pendaftaran cukai pelancongan di tempat yang mudah dilihat di setiap premis penginapan yang disediakan seperti yang diperuntukkan dalam Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Cukai Pelancongan 2017 (PPCP 2017).

37. Pengendali dikehendaki memaklumkan dengan segera secara bertulis kepada pegawai kanan Kastam di stesen Kastam yang mengawal premis penginapan jika terdapat perubahan dalam perkara-perkara berikut menurut subperaturan 5(1) PPCP 2017:

- a. nama perniagaan;
- b. alamat mana-mana tempat perniagaan;
- c. taraf perniagaan;
- d. pengelasan premis penginapan; atau
- e. bilangan bilik di premis penginapan

38. Pengendali dibenarkan membuat pindaan secara atas talian di portal MyTTx untuk perubahan maklumat selain daripada yang dinyatakan di para 35 di atas.

39. Mana-mana pengendali yang telah berhenti mengendalikan premis penginapan atau mendapat pengecualian daripada Menteri di bawah subseksyen 9, ACP 2017 hendaklah memaklumkan kepada Ketua Pengarah secara bertulis melalui stesen Kastam yang mengawal premis penginapan dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh pemberhentian atau tarikh kuatkuasa pengecualian itu.

40. Pengendali yang lewat berdaftar cukai pelancongan akan ditaksir jumlah cukai pelancongan yang kena dibayar daripada tarikh dia sepatutnya didaftarkan. JKDM akan memaklumkan kepada pengendali secara bertulis tentang jumlah pentaksiran dan ianya boleh termasuk apa-apa penalti yang kena dibayar dan perlu dibayar oleh pengendali berkenaan. Di samping itu, pengendali juga boleh ditawarkan kompaun atas kesalahan tidak berdaftar dalam tempoh yang ditetapkan.

### **INVOIS, REKOD, PENYATA DAN TAKSIRAN**

41. Bahagian ini menerangkan jenis-jenis rekod yang perlu disimpan yang berkaitan dengan transaksi yang dibuat atau diterima sebagai seorang pengendali premis penginapan yang berdaftar di bawah ACP 2017.

## **Invois**

42. Setiap pengendali dikehendaki mengeluarkan invois, resit atau dokumen lain dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh premis penginapan itu disediakan atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

43. Invois, resit atau dokumen lain hendaklah dikeluarkan dalam Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Inggeris kepada pelancong berkaitan premis penginapan yang disediakan dan hendaklah menyatakan kadar dan amaun cukai pelancongan sepatutnya dibayar secara berasingan daripada caj penginapan yang dikenakan oleh pengendali. Dokumen lain adalah termasuk pesanan tempatan, sebut harga, penyata akaun dan lain-lain yang berkaitan.

### **Contoh 16**

*Aneeta adalah warganegara Singapura dan menginap di Hotel Langkasuki, Langkawi pada 15 Mac 2022 selama 5 hari 4 malam. Oleh itu, Hotel Langkasuki hendaklah mengeluarkan invois dalam tempoh 30 hari dari tarikh 15 Mac 2022 kepada Aneeta.*

44. Mana-mana orang yang tidak berdaftar di bawah ACP 2017 tidak dibenarkan untuk mengeluarkan suatu invois, resit atau dokumen lain yang menunjukkan amaun berupa cukai pelancongan.

45. Butiran yang dikehendaki untuk dinyatakan dalam invoice, resit atau dokumen lain kepada pelancong adalah seperti berikut:

- a. nombor siri invoice atau resit;
- b. tarikh invoice atau resit;
- c. nama dan alamat pengendali
- d. nombor pendaftaran cukai pelancongan;
- e. nama dan nombor pasport pelancong;
- f. bilangan hari bagi setiap penginapan yang disediakan; dan
- g. kadar dan jumlah cukai pelancongan kena dibayar, secara berasingan daripada caj bayaran bilik untuk penginapan yang disediakan oleh pengendali.

46. Bagi pengendali yang berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 dan juga Akta Cukai Perkhidmatan 2018, pengendali boleh mengeluarkan satu invoice yang sama dengan mengandungi butiran yang dikehendaki secara berasingan oleh kedua-dua perundangan tersebut.

47. Pengendali dianggap telah mengeluarkan suatu invoice, resit atau dokumen lain kepada pelancong sekiranya butiran yang ditetapkan telah direkod dalam komputer dan dihantar atau tersedia kepada pelancong secara elektronik atau dikeluarkan atas apa-apa bahan dan diserahkan kepada pelancong.

48. Contoh invoice boleh dilihat di **LAMPIRAN 1**.

### **Nota Kredit dan Nota Debit**

49. Jika pengendali mengeluarkan nota kredit atau nota debit atas sebab perubahan dalam pengenaan cukai pelancongan atau atas sebab pelarasan dalam transaksi perniagaan, pelarasan hendaklah dibuat oleh pengendali dalam penyata TTx sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 16, ACP 2017 dan Peraturan 6 PPCP 2017.

50. Pelarasan Penyata TTx hendaklah dibuat dalam tempoh bercukai di mana nota kredit atau nota debit itu dikeluarkan sekiranya cukai pelancongan telah diakaunkan oleh pengendali kepada JKDM.

### **Contoh 17**

*Invois dikeluarkan pada 1 Mac 2023 dan telah diakaunkan pada 28 April 2023 bagi tempoh bercukai 1 Jan 2023 – 31 Mac 2023*

*Tempoh bercukai* 1 Jan 2023 – 31 Mac 2023

*Tarikh nota kredit dikeluarkan* 7 Julai 2023

*Tempoh bercukai penyata yang perlu dipinda* 1 Jan 2023 – 31 Mac 2023

51. Sekiranya nota kredit atau nota debit dikeluarkan dalam tempoh bercukai yang sama di mana invois yang berkaitan dikeluarkan dan cukai pelancongan belum diakaun kepada JKDM, tiada pelarasan nota kredit atau nota debit yang perlu dibuat oleh pengendali ke atas Penyata TTx.

### **Contoh 18**

*Invois dikeluarkan pada 1 Mac 2023 bagi tempoh bercukai 1 Jan 2023 – 31 Mac 2023*

*Tempoh bercukai* 1 Jan 2023 – 31 Mac 2023

*Tarikh nota kredit dikeluarkan* 9 Mac 2023

*Pelarasan tidak perlu dibuat kerana nota kredit dikeluarkan dalam tempoh bercukai yang berkaitan.*

52. Apabila pengendali telah berhenti menjadi orang berdaftar di bawah ACP 2017 dan mengeluarkan nota kredit atau nota debit yang berkaitan dengan invois semasa dia menjadi pengendali berdaftar, pengendali hendaklah membuat pelarasan dalam penyata TTx bagi tempoh bercukai terakhir sebelum dia berhenti menjadi orang berdaftar.



53. Pengendali hendaklah mengemukakan dokumen sokongan seperti baucar pembayaran sebagai bukti bahawa dia telah mengeluarkan nota kredit dan mengembalikan atau membayar balik amaun cukai pelancongan kepada pelancong berkenaan.

54. Nota kredit atau nota debit yang dikeluarkan hendaklah mengandungi butiran berikut:

- a. nombor siri nota kredit atau nota debit;
- b. tarikh nota kredit atau nota debit itu dikeluarkan;
- c. nama, alamat dan nombor pendaftaran cukai pelancongan pengendali;
- d. nombor siri dan tarikh invois atau resit yang asal;
- e. sebab nota kredit atau nota debit itu dikeluarkan;
- f. bilangan hari penginapan bagi setiap penginapan disediakan yang berkaitan; dan
- g. kadar dan amaun cukai pelancongan yang dikenakan.

### **Penyimpanan Rekod**

55. Adalah menjadi kewajipan bagi pengendali premis penginapan untuk menyimpan rekod perakaunan dan apa-apa rekod yang berkaitan dengan cukai pelancongan selama tujuh (7) tahun dalam Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Inggeris. Rekod tersebut hendaklah disimpan di Malaysia melainkan jika diluluskan oleh Ketua Pengarah untuk rekod tersebut disimpan di negara lain selain daripada Malaysia.

56. Jika rekod disimpan secara elektronik, rekod itu mestilah boleh dicapai dan mudah diubah ke dalam bentuk bertulis. Sekiranya rekod pada mulanya disimpan dalam bentuk manual tetapi kemudiannya diubah ke dalam bentuk elektronik, rekod tersebut hendaklah kekal disimpan dalam bentuk asal sebelum ianya diubah.

57. Sekiranya pengendali diaudit oleh JKDM berkaitan pengecualian pengenaan cukai pelancongan, pengendali hendaklah membuktikan apa-apa maklumat berkaitan pelancong yang mendapat pengecualian tersebut.

### Tempoh Bercukai

58. Tempoh bercukai bagi setiap pengendali premis penginapan hendaklah dalam suatu tempoh tiga bulan yang berakhir pada hari terakhir mana-mana bulan bagi mana-mana tahun kalendar *Gregorian*.

### Contoh 19

*Contoh tempoh bercukai bagi cukai pelancongan berdasarkan tarikh kuatkuasa pendaftaran adalah seperti berikut:*

	Tarikh Kuatkuasa Pendaftaran	Tempoh bercukai pertama	Tempoh bercukai berikutnya (Setiap 3 bulan)
<b>Tarikh</b>	1 Januari 2023	Jan – Mac 2023	April – Jun 2023 Julai – September 2023 Oktober – Disember 2023
	1 Februari 2023	Februari – April 2023	Mei – Julai 2023 Ogos – Oktober 2023 November 2023 – Januari 2024
	1 Mac 2023	Mac – Mei 2023	Jun – Ogos 2023 September – November 2023

			Disember 2023 – Februari 2024
--	--	--	-------------------------------

59. Di bawah seksyen 18 ACP 2017, Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk mengubah tempoh bercukai sebagaimana yang dimohon oleh pengendali premis penginapan. Walau bagaimanapun, Ketua Pengarah boleh, sebagaimana yang difikirkan patut, menetapkan semula apa-apa tempoh bercukai lain untuk pengendali tersebut.

### Contoh 20

*Hotel Melinau ingin menukar tempoh bercukai mereka mengikut tahun kewangan yang berakhir pada 30 April. Oleh itu, Hotel Melinau boleh membuat permohonan kepada Ketua Pengarah untuk menukar tempoh bercukainya agar selari dengan tahun kewangannya. Setelah diberikan kelulusan, tempoh bercukai pelbagai akan diberikan kepada Hotel Melinau seperti berikut:*

Tarikh Kuatkuasa Pendaftaran	Tarikh Permohonan	Tempoh bercukai pelbagai	Tarikh akhir menghantar penyata dan pembayaran
1 Jan 2023	10 Jan 2023 (Dalam tempoh bercukai pertama)	Tempoh bercukai pertama : 1-31 Jan 2023	28 Feb 2023
	Tahun Berakhir Kewangan adalah pada 30 April	Tempoh bercukai berikutnya : Feb – Apr 2023 Mei – Jul 2023 Ogos – Okt 2023	31 Mei 2023 31 Ogos 2023 30 Nov 2023

## PERAKAUNAN CUKAI PELANCONGAN

### Penyata dan Pembayaran Cukai Pelancongan

60. Setiap pengendali premis penginapan dikehendaki mengakaunkan cukai pelancongan yang diterima dalam penyata bagi setiap tempoh bercukai dengan menggunakan Borang TTx-03 dan hendaklah dikemukakan serta membuat bayaran kepada Ketua Pengarah tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya selepas berakhirnya tempoh bercukai yang berhubungan dengan penyata itu.

61. Jika pengendali tidak menerima kesemua atau mana-mana bahagian cukai pelancongan daripada seseorang pelancong dalam tempoh dua belas bulan kalendar dari tarikh invois bagi premis penginapan yang disediakan, pengendali tersebut dikehendaki mengakaunkan cukai pelancongan berkenaan dalam penyata TTx bagi tempoh bercukai berikutnya selepas tarikh akhir tempoh dua belas (12) bulan kalendar.

### Contoh 21

*Seorang pengendali telah mengeluarkan Invois pada 15 September 2023 kepada pelancong tanpa menerima bayaran cukai pelancongan. Pengendali tersebut perlu mendapatkan bayaran cukai berkenaan dalam tempoh 12 bulan kalendar yang berakhir pada 15 Ogos 2024. Sekiranya pengendali gagal mendapatkan bayaran cukai pelancongan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, pengendali dikehendaki mengakaunkan cukai pelancongan berkenaan dalam penyata TTx bagi tempoh bercukai September 2024.*



62. Pengendali yang telah berhenti menjadi orang berdaftar dikehendaki mengemukakan penyata TTx dalam tempoh bercukai terakhir tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas pendaftarannya terhenti.

63. Jika pengendali tidak menerima apa-apa bayaran cukai pelancongan dalam sesuatu tempoh bercukai, pengendali tersebut dikehendaki untuk mengemukakan penyata TTx 'Nil' (*nil return*) kepada Ketua Pengarah dalam tempoh bercukai tersebut.

### **Pembetulan Kesilapan**

64. Jika terdapat pembetulan kesilapan dibuat dalam mana-mana penyata TTx yang telah dikemukakan, pengendali boleh :

- a. Jika pembetulan berkaitan dengan penyata semasa di mana ia masih dalam tempoh serahan, pembetulan hendaklah dibuat dalam penyata semasa dan dikemukakan semula dalam tempoh yang sama.

### **Contoh 22**

#### **Pindaan dalam Penyata Berkaitan (Semasa):**

<i>Tempoh bercukai</i>	<i>1 Jan 2023 – 31 Mac 2023</i>
<i>Tarikh akhir hantar penyata</i>	<i>30 Apr 2023</i>
<i>Hantar penyata</i>	<i>20 Apr 2023</i>
<i>Pembetulan atas penyata semasa</i>	<i>28 Apr 2023</i>

- b. Sebaliknya, jika pembetulan berkaitan dengan penyata sebelumnya yang telah dikemukakan, pembetulan hendaklah dibuat dalam penyata berkenaan dengan nombor rujukan tambahan yang dijana oleh sistem.

### Contoh 23

#### Pindaan dalam Penyata Berkaitan (Sebelum):

<i>Tempoh bercukai semasa</i>	<i>1 Jan 2024 – 31 Mac 2024</i>
<i>Tarikh kesilapan dikesan bagi invois bertarikh 1 Nov 2023</i>	<i>8 Feb 2024</i>
<i>Tempoh bercukai yang perlu dipinda</i>	<i>1 Okt 2023 – 31 Dis 2023</i>

#### Cara Penghantaran Penyata dan Pembayaran

65. Pengendali perlu mengemukakan penyata TTx melalui pos, perkhidmatan kurier atau perkhidmatan elektronik kepada Ketua Pengarah. Penyata yang dikemukakan melalui pos atau kurier hendaklah dihantar ke alamat berikut :

##### **Pusat Pemprosesan Kastam (CPC)**

Jabatan Kastam Diraja Malaysia,  
Kompleks Kastam WPKL,  
No. 22, Jalan SS 6/3 Kelana Jaya,  
47301 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.

66. Penyata dianggap telah dikemukakan:

- a. Jika penyerahan secara perkhidmatan elektronik, tarikh penerimaan penyata adalah berdasarkan tarikh yang diterima oleh sistem MyTTx;
- b. Jika penyerahan melalui pos, tarikh penerimaan penyata adalah tarikh cetakan/ tanda pos (post mark) yang tertera pada sampul surat; atau
- c. Jika penyerahan melalui kurier, tarikh penerimaan penyata adalah tarikh kurier tersebut diserahkan ke kaunter kurier seperti dalam sistem jejak dan kesan (*tracking system*) syarikat kurier tersebut.

67. Pembayaran cukai pelancongan dan apa-apa penalti yang kena dibayar boleh dibuat secara elektronik, pos atau kurier (cek atau deraf bank sahaja) kepada Ketua Pengarah. Cukai pelancongan atau penalti (jika ada) dianggap telah dibayar apabila:

- a. Bagi bayaran yang dikemukakan secara elektronik, tarikh penerimaan bayaran adalah berdasarkan tarikh yang diterima oleh sistem MyTTx
- b. Bagi bayaran (cek atau deraf bank) yang dikemukakan melalui pos, tarikh penerimaan bayaran adalah tarikh cetakan pos (post mark) yang tertera pada sampul surat; atau
- c. Bagi bayaran (cek atau deraf bank) yang dikemukakan melalui kurier, tarikh penerimaan bayaran adalah tarikh kurier tersebut diserahkan ke kaunter kurier seperti dalam sistem jejak dan kesan (*tracking system*) syarikat kurier tersebut.

68. Pengemukakan bayaran tunai atau bayaran melalui cek atau deraf bank yang dibuat secara sendiri terus ke Pusat Pemprosesan Kastam atau mana-mana stesen mengawal Kastam adalah tidak dibenarkan.

69. Pengendali digalakkan untuk membuat bayaran awal bagi membolehkan masa yang mencukupi untuk menjelaskan cek/ deraf bank dan seterusnya untuk mengelakkan pengenaan penalti kerana pembayaran lewat.

70. Jika cukai pelancongan genap masa dan kena dibayar tidak dibayar keseluruhannya atau sebahagiannya oleh mana-mana pengendali selepas hari terakhir di mana ia kena dibayar dan tiada pendakwaan dimulakan, pengendali dikehendaki membayar:-

- a. Untuk tempoh tiga puluh (30) hari pertama cukai pelancongan tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas tamat tempoh tersebut, penalti sebanyak sepuluh (10) peratus daripada amaun cukai pelancongan yang masih belum dibayar;
- b. Untuk tempoh tiga puluh (30) hari yang kedua cukai pelancongan tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas tamat tempoh tersebut,

- penalti tambahan sebanyak sepuluh (10) peratus daripada amaun cukai pelancongan yang masih belum dibayar; dan
- c. Untuk tempoh tiga puluh (30) hari yang ketiga cukai pelancongan tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas tamat tempoh itu, dan penalti tambahan sebanyak sepuluh (10) peratus daripada amaun cukai pelancongan yang masih belum dibayar.

#### **Contoh 24**

*Roman Hotel Sdn.Bhd. adalah pengendali yang berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 dan telah diberikan tempoh bercukai pertama pada 1 Jan 2023 - 31 Mac 2023. Pengendali telah membayar cukai pelancongan pertama sebanyak RM10,000 pada 20 Mei 2023 (selepas tarikh akhir pembayaran). Pengendali tertakluk kepada bayaran penalti seperti berikut:*

<i>Tarikh akhir cukai pelancongan kena dibayar</i>	<i>30 April 2023</i>
<i>Bilangan hari bayaran lewat</i>	<i>20 hari</i>
<i>Penalti dikenakan (RM10,000.00 x 10%)</i>	<i>RM1,000.00</i>

#### **Contoh 25**

*Suasini Hotel Sdn. Bhd. adalah pengendali yang berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 dan gagal membayar cukai pelancongan sebanyak RM15,000.00 bagi tempoh bercukai 1 April 2023 - 30 Jun 2023. Pengendali kemudiannya membayar RM10,000.00 pada 15 September 2023 dan bakinya pada 7 Disember 2023. Pengendali adalah tertakluk kepada bayaran penalti seperti berikut:*

<i>Tarikh akhir cukai pelancongan kena dibayar</i>	<i>31 Julai 2023</i>
<i>Bayaran lewat atas RM15,000.00</i>	<i>46 hari (15 Sept. 2023)</i>
<i>Penalti dikenakan (RM15,000.00 x 20%)</i>	<i>RM3,000.00</i>
<i>Bayaran lewat atas baki RM5,000.00</i>	<i>129 hari (7 Dis. 2023)</i>
<i>Penalti dikenakan (RM5,000.00 x 10%)</i>	<i>RM500.00</i>
<i>Jumlah Penalti dikenakan</i>	<i>RM3,500.00</i>



## **PEREMITAN, PEMBAYARAN BALIK DAN PULANG BALIK CUKAI PELANCONGAN**

71. Remisi daripada pembayaran cukai pelancongan adalah di bawah kuasa Menteri seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 21(1), ACP 2017.

72. Remisi daripada pembayaran penalti, surcaj atau wang lain pula adalah di bawah kuasa Ketua Pengarah seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 21(2) ACP 2017. Mana-mana pengendali premis penginapan yang ingin membuat permohonan remisi berhubung dengan penalti, surcaj atau wang lain hendaklah menghantar permohonan tersebut secara bertulis kepada pegawai kanan Kastam di stesen Kastam yang mengawal premis penginapan pengendali.

73. Jika seseorang yang telah diberi remisi di bawah seksyen 21 telah membayar apa-apa cukai pelancongan, penalti, surcaj atau wang lain berhubung dengan remisi itu, tuntutan boleh dibuat dalam borang TTx-04 dalam tempoh satu (1) tahun daripada tarikh remisi diberikan.

74. Tuntutan pembayaran balik cukai pelancongan, penalti, surcaj atau wang lain yang terlebih bayar atau tersilap bayar boleh dimohon dalam tempoh enam (6) tahun daripada masa pembayaran lebih atau tersilap itu berlaku selaras dengan seksyen 22 ACP 2017. Permohonan tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah dalam borang TTx-04.

75. Hutang lapuk bermaksud suatu amaun tertunggak bagi bayaran penginapan termasuk cukai pelancongan yang kena dibayar kepada pengendali tetapi belum dibayar oleh pelancong kepadanya dan tidak boleh didapatkan balik oleh pengendali tersebut.

76. Tuntutan bayaran balik hutang lapuk di bawah seksyen 23 ACP 2017 boleh dimohon oleh pengendali yang telah berhenti mengendalikan premis penginapan ke atas keseluruhan atau sebahagian cukai pelancongan yang telah dibayar olehnya. Permohonan tersebut hendaklah dikemukakan melalui Borang TTx-04 dalam tempoh

tiga (3) tahun dari tarikh pembayaran bagi penginapan dihapus kira.

77. Pemohonan tuntutan bayaran balik hutang lapuk boleh dipertimbangkan sekiranya memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- a. Keseluruhan atau sebahagian daripada bayaran penginapan yang telah dibayar kepada pengendali telah dihapus kira dalam akaun pengendali sebagai hutang lapuk;
- b. Ketua Pengarah berpuas hati bahawa segala usaha yang munasabah telah dilakukan oleh pengendali untuk mendapatkan balik bayaran penginapan;
- c. Sebahagian bayaran penginapan yang diterima oleh pengendali adalah kurang daripada cukai pelancongan yang dibayar

78. Sekiranya JKDM telah membayar balik tuntutan cukai pelancongan kepada pengendali dan kemudiannya pengendali tersebut menerima apa-apa bayaran penginapan yang berkaitan dengan cukai pelancongan yang kena dibayar, pengendali itu hendaklah membayar semula kepada Ketua Pengarah:-

- a. Keseluruhan cukai pelancongan yang dibayar balik sekiranya amaun yang diterima berkeenaan dengan bayaran penginapan itu adalah sama dengan atau lebih daripada amaun cukai pelancongan yang dibayar balik; atau
- b. Suatu amaun yang sama dengan amaun yang diterima berkeenaan dengan bayaran penginapan itu sekiranya amaun yang diterima itu adalah kurang daripada amaun cukai pelancongan yang dibayar balik.

### **Pemotongan Daripada Penyata Bagi Cukai Pelancongan Yang Dipulang Balik**

79. Seksyen 24 ACP 2017 memperuntukkan seseorang pengendali boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk memotong daripada penyatanya jumlah cukai pelancongan yang telah dibayar dalam tempoh satu (1) tahun selepas pembayaran balik cukai pelancongan dibuat, atas alasan -

- a. pembatalan penginapan; atau
- b. apa-apa sebab lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

## **Pembayaran Secara Ansuran**

80. Pengendali boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk membayar jumlah tertunggak cukai pelancongan atau penalti secara ansuran sekiranya pembayaran itu akan menyebabkan kesukaran kewangan yang tidak wajar kepada pengendali atau dalam keadaan lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 26 ACP 2017.

81. Jika cukai pelancongan dibenarkan dibayar secara ansuran, penalti akan terhenti dikira dari tarikh Ketua Pengarah membenarkan pembayaran secara ansuran.

82. Jika berlaku kegagalan dalam pembayaran bagi mana-mana satu ansuran pada tarikh genap masanya untuk bayaran baki amaun yang kena dibayar, kesemua amaun yang tertunggak hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar pada tarikh itu dan hendaklah, tanpa apa-apa notis selanjutnya disampaikan kepada orang yang bertanggung untuk membayar amaun yang kena dibayar, tertakluk kepada surcaj yang bersamaan dengan sepuluh (10) peratus daripada baki itu dan surcaj itu hendaklah boleh didapatkan seolah-olah ia genap masa dan kena dibayar.

83. Mana-mana pengendali yang ingin membuat permohonan ansuran hendaklah menghantar permohonan tersebut secara bertulis kepada pegawai kanan Kastam di Cawangan Akaun Belum Terima, stesen Kastam yang mengawal premis penginapan pengendali.

## KESALAHAN-KESALAHAN BOLEH DIKOMPAN

84. Seksyen 56 ACP 2017 memperuntukkan Ketua Pengarah boleh mengkompau dengan suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus (50%) daripada nilai maksimum denda mahkamah bagi kesalahan berikut:

BIL	SEKSYEN	KESALAHAN	DENDA MAKSIMUM	KOMPAUN MAKSIMUM
1	10(3)	Pengendali gagal untuk berdaftar di bawah seksyen 10(1), ACP 2017	RM30,000	RM15,000
2	11(2)	Pengendali yang mengendalikan premis penginapan gagal untuk berdaftar dalam tempoh 30 hari dari tarikh pelaksanaan Bahagian IV ACP 2017	RM30,000	RM15,000
3	14(3)	<p>Mana-mana orang yang gagal mematuhi seksyen 14(1) dan (2) ACP 2017 iaitu ;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap pengendali hendaklah mengeluarkan invoice, resit atau dokumen lain kepada pelancong dan mengasingkan kadar dan amaun cukai pelancongan daripada caj penginapan yang</li> </ul>	RM30,000	RM15,000

		<p>disediakan oleh pengendali;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mana-mana orang yang bukan pengendali tidak boleh mengeluarkan invoice, resit atau dokumen lain yang berupa cukai pelancongan.</li> </ul>		
4	17(5)	Mana-mana orang yang gagal mematuhi kehendak penyimpanan rekod di bawah seksyen 17, ACP 2017	RM30,000	RM15,000
5	19(7)	Mana-mana pengendali yang gagal membayar cukai pelancongan dalam tempoh yang ditetapkan	RM30,000	RM15,000
6	19(7)	Mana-mana pengendali yang gagal membayar cukai pelancongan dalam tempoh yang ditetapkan	RM30,000	RM15,000
7	33(4)	Mana-mana orang yang enggan membenarkan pegawai kanan Kastam untuk memasuki mana-mana tempat atau premis	RM30,000	RM15,000

8	40	Mana-mana orang yang membuat penyata yang tidak betul atau memberi maklumat yang tidak betul	RM30,000	RM15,000
9	41(2)	Mana-mana orang yang tidak layak memungut tetapi memungut cukai pelancongan	RM30,000	RM15,000
10	42(1)	Mana-mana orang yang berniat untuk mengelak atau membantu orang lain mengelak cukai pelancongan	RM30,000	RM15,000
11	43(1)	Mana-mana orang yang enggan memberi maklumat kepada pegawai Kastam	RM30,000	RM15,000
12	44	Mana-mana orang yang cuba melakukan kesalahan atau bersubahat dalam perlakuan kesalahan	Dihukum mengikut hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu	50% daripada amaun denda yang diperuntukkan bagi kesalahan
13	45	Kesalahan yang tidak diperuntukkan secara nyata	RM30,000	RM15,000
14	60(4)	Mana-mana orang yang gagal mematuhi kehendak untuk memberi maklumat, buku, data, dokumen	RM30,000	RM15,000

		atau rekod lain di bawah seksyen 60, ACP 2017		
15	68(3)	Mana-mana pelikuidasi yang gagal memberi notis penggulungan di bawah seksyen 68(1), ACP 2017	RM30,000	RM15,000
16	69(3)	Mana-mana penerima yang dilantik oleh pengendali gagal memberi notis kepada Ketua Pengarah berkaitan pelantikan sebagai penerima dan pengasingan jumlah wang daripada pelupusan aset.	RM30,000	RM15,000

## **INKUIRI**

Sila hubungi alamat di bawah untuk sebarang inkuiri berkaitan panduan ini ;  
Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)  
Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Aras 6, Tower A,  
Suasana PjH, Jalan Tun Abdul Razak,  
Presint 2, 62100 W.P. Putrajaya.

## **BANTUAN DAN INFORMASI BERKAITAN CUKAI PELANCONGAN**

Informasi selanjutnya boleh didapati di :

- a. Laman web cukai pelancongan : [www.myttx.customs.gov.my](http://www.myttx.customs.gov.my)
- b. Emel : [enquiry.tourismtax@customs.gov.my](mailto:enquiry.tourismtax@customs.gov.my)
- c. Pusat Panggilan Kastam: Tel : 03-7806 7200 / 1-300-888-500  
Fax : 03-7806 7599  
Emel : [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my)



## SOALAN-SOALAN LAZIM

**S1: Adakah cukai pelancongan masih perlu dikenakan sekiranya caj warisan (heritage fee) telah dikenakan?**

J1: Ya. Pengendali masih dikehendaki mengenakan cukai pelancongan walaupun caj warisan telah dikenakan ke atas penyediaan premis penginapan kepada pelancong.

**S2: Sebuah hotel butik menyediakan bilik eksekutif secara percuma selama 2 jam dari waktu daftar keluar. Adakah tempoh lanjutan 2 jam tersebut tertakluk kepada cukai pelancongan?**

J2: Tidak. Cukai pelancongan tidak dikenakan ke atas lanjutan masa penginapan yang diberi percuma kerana tiada bayaran dikenakan untuk lanjutan penginapan tersebut.

**S3: Jika diskaun diberikan oleh pengendali hotel ke atas caj bilik, adakah diskaun itu mempengaruhi kadar cukai pelancongan?**

J3: Tidak, kadar cukai pelancongan masih tetap pada kadar RM10.00 sebilik semalam.

**S4: Seorang pelancong membuat tempahan di sebuah hotel selama 10 malam tetapi menginap selama 5 malam sahaja. Berapakah jumlah cukai pelancongan yang dikenakan?**

J4: Jumlah cukai pelancongan yang dikenakan adalah untuk 5 malam penginapan sahaja iaitu RM50.00 sekiranya pengendali memulangkan semula bayaran bilik bagi lima (5) malam yang tidak diinap.

Jika pengendali tidak memulangkan semula bayaran bagi lima (5) malam yang tidak diinap, maka pengendali hendaklah mengakaun dan membayara keseluruhan cukai pelancongan iaitu RM100.00 (RM10.00 x 10 malam) kepada JKDM.

**S5: Ezmony seorang pengurus hotel dari Barbados telah menginap secara**

**percuma di Hotel Malados yang merupakan anak syarikat tempat beliau bekerja. Adakah cukai pelancongan dikenakan ke atas pengurus hotel tersebut?**

J5: Ya. Pengurus hotel tersebut akan dikenakan cukai pelancongan kerana beliau merupakan seorang pelancong yang menginap di premis penginapan di Malaysia walaupun beliau tidak dikenakan sebarang caj penginapan.

**S6: Seorang pelancong asing telah menempah sebuah bilik selama dua (2) malam dengan kadar bayaran penuh. Namun, pelancong asing tersebut gagal untuk menginap bagi tempoh tersebut. Oleh itu, pihak hotel telah mengenakan penalti dengan nilai yang bersamaan caj satu malam penginapan. Adakah tempahan bilik penginapan yang dikenakan penalti tersebut tertakluk kepada cukai pelancongan?**

J6: Tidak. Cukai pelancongan tidak dikenakan kerana pelancong asing tersebut gagal untuk menginap dan tidak berdaftar masuk di bilik yang ditempahnya.

**S7: Sebuah syarikat pelancongan menawarkan pakej pelancongan kepada pelancong asing yang meliputi penginapan di beberapa hotel di Malaysia, makan dan minum serta lawatan ke taman tema. Adakah cukai pelancongan dikenakan ke atas pakej pelancongan itu?**

J7: Tidak. Cukai Pelancongan hanya dikenakan ke atas penginapan di hotel sahaja mengikut bilangan malam pelancong asing tersebut menginap.

**S8: Jika pelancong asing menginap di sebuah premis penginapan (tidak termasuk premis penginapan dikecualikan) untuk jangka masa panjang seperti 1 bulan atau lebih, adakah penginapan itu tertakluk kepada cukai pelancongan?**

J8: Ya, cukai pelancongan tetap akan dikenakan berdasarkan bilangan malam pelancong asing tersebut menginap.

**S9: Adakah cukai pelancongan dikenakan ke atas sewa bilik penginapan yang**

**ditempah secara dalam talian melalui platform digital?**

J9: Ya, cukai pelancongan akan dikenakan ke atas premis penginapan yang ditempah secara dalam talian melalui platform digital. Sila rujuk Panduan Cukai Pelancongan (Pemberi Perkhidmatan Platform Digital) dalam portal MyTTx.

**S10: Adakah cukai pelancongan dikenakan ke atas sewaan bankuet / dewan tari / bilik mesyuarat yang disediakan di premis penginapan?**

J10: Tidak, cukai pelancongan tidak dikenakan ke atas sewaan bankuet / dewan tari / bilik mesyuarat.

**S11: Adakah kelab persendirian yang menyediakan tempat penginapan perlu didaftarkan di bawah ACP 2017?**

J11: Ya, kelab persendirian adalah bertanggungjawab untuk berdaftar di bawah ACP 2017 sekiranya kelab tersebut menyediakan lebih daripada 4 bilik penginapan.

**S12: Adakah terdapat nilai ambang bagi pendaftaran pengendali premis penginapan di bawah ACP 2017?**

J12: Tiada nilai ambang bagi pendaftaran berkenaan.

**S13: Hotel XYZ mempunyai perjanjian kontrak dengan JETLI Airlines untuk menyediakan penginapan kepada penumpang mereka apabila terdapat kelewatan penerbangan yang disebabkan oleh isu teknikal. JETLI Airlines akan menanggung kos caj bilik bagi penumpang dalam transit. Adakah Hotel XYZ perlu mengenakan cukai pelancongan kepada JETLI Airlines bagi penginapan yang disediakan kepada penumpang warga asing mereka?**

J13: Ya, Hotel XYZ perlu mengenakan cukai pelancongan kepada JETLI Airlines berdasarkan bilangan bilik penginapan bermalam yang disediakan kepada penumpang warga asing mereka yang di dalam transit.

**S14: Adakah cukai pelancongan dikenakan kepada pelajar warga asing yang berdaftar di Institusi Pengajian Tinggi Swasta di Malaysia dan menginap di premis penginapan yang dikendalikan oleh Institusi tersebut?**

J14: Tidak, cukai pelancongan tidak dikenakan ke atas pelajar warga asing tersebut kerana Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang berdaftar di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dan mengendalikan premis penginapan kepada pelajarinya dikecualikan daripada berdaftar sebagai pengendali premis penginapan di bawah ACP 2017.

**S15: Seorang warga asing telah membuat penempahan sebuah bilik melalui ejen pelancongan. Warga asing tersebut telah membuat pendaftaran masuk di premis penginapan. Adakah warga asing tersebut tertakluk kepada cukai pelancongan?**

J15: Ya, warga asing tersebut tertakluk kepada cukai pelancongan.

**S16: Seorang pengendali yang memiliki sebuah hotel telah menjual hotelnya kepada pemilik baharu. Bolehkah pemilik baharu meneruskan pendaftaran cukai pelancongan sedia ada atau pemilik baharu tersebut perlu memohon pendaftaran baharu untuk cukai pelancongan?**

J16: Pemilik lama hendaklah memohon pembatalan pendaftaran manakala pemilik baharu hendaklah mengemukakan permohonan pendaftaran baharu sebagai pengendali premis penginapan di bawah ACP 2017.

**S17: Adakah hotel yang terletak di kawasan bebas cukai/ kawasan yang ditetapkan/ zon bebas dikehendaki untuk berdaftar cukai pelancongan?**

J17: Ya. Pengendali premis penginapan yang terletak di kawasan bebas cukai/ kawasan yang ditetapkan/ zon bebas dikehendaki untuk berdaftar sebagai pengendali di bawah ACP 2017.

**S18: Terdapat 6 kondominium dengan 6 pemilik dan pemilik-pemiliknya melantik seorang ejen untuk mewakili mereka bagi menyediakan penginapan kepada pelancong. Adakah ejen yang mewakili pemilik kondominium itu bertanggungjawab untuk berdaftar di bawah ACP 2017?**

J18: Ya. Ejen yang mewakili 6 pemilik kondominium tersebut selaku pengendali premis penginapan adalah bertanggungjawab untuk berdaftar di bawah ACP 2017.

**S19: Adakah cukai pelancongan perlu dikenakan oleh seseorang majikan selaku pengendali premis penginapan yang menyediakan penginapan kepada para pekerja dengan bayaran?**

J19: Tidak. Penginapan yang disediakan oleh seseorang majikan sebagai kemudahan kepada pekerja sama ada dengan bayaran atau tanpa bayaran adalah tidak tertakluk kepada cukai pelancongan.

**S20: Adakah badan berkanun yang memiliki dan mengendalikan premis penginapan untuk tujuan pendidikan, latihan atau kebajikan dikehendaki berdaftar di bawah ACP 2017?**

J20: Badan berkanun yang mengendalikan dan menyediakan premis penginapan kepada mana-mana orang untuk tujuan pendidikan, latihan atau kebajikan tidak perlu berdaftar sebagai pengendali premis penginapan di bawah ACP 2017.

**S21: Bagaimana dan di mana perlu dipamerkan sijil pendaftaran TTx-02? Bolehkah sijil itu diletakkan di atas meja atau di pejabat kewangan pengendali premis penginapan?**

J21: Pengendali premis penginapan dikehendaki mempamerkan sijil pendaftaran TTx-02 di tempat yang mudah dilihat di premis penginapan. Pengendali boleh mencetak lebih daripada satu salinan sijil dan meletakkannya di mana perlu.

**S22: Adakah pengendali premis penginapan perlu mengemukakan penyata bagi**

**suatu tempoh bercukai walaupun tiada sebarang cukai pelancongan dipungut dalam tempoh tersebut?**

J22: Ya, pengendali masih perlu mengemukakan penyata NIL bagi tempoh bercukai tersebut.

**S23: Pengendali memiliki 3 hotel di 3 lokasi berbeza iaitu Pulau Pinang, KL dan Johor. Untuk serahan penyata cukai pelancongan, bolehkah ianya dilakukan di bawah satu akaun seperti serahan kumpulan?**

J23: Tidak, pendaftaran cukai pelancongan berdasarkan lokasi tempat penginapan. Setiap lokasi didaftarkan secara berasingan. Oleh itu, pengendali dikehendaki mengemukakan penyata cukai pelancongan secara berasingan bagi setiap premis penginapan di KL, Johor dan Pulau Pinang.

**S24: Bolehkah cukai pelancongan yang dinyatakan pada invois diasingkan untuk setiap pelancong yang menginap di bilik yang sama?**

J24: Pengendali tidak dibenarkan untuk mengasingkan cukai pelancongan berdasarkan bilangan penginap/pelancong dalam satu bilik yang sama kerana cukai pelancongan dikenakan atas dasar bilik penginapan dan bukan bilangan penginap/pelancong dalam sesebuah bilik.

**S25: Adakah pengendali perlu menyatakan sebab pengecualian dalam invois jika mereka tidak mengenakan cukai pelancongan?**

J25: Ya, pengendali perlu menyatakan sebab pengecualian dalam invois jika mereka tidak mengenakan cukai pelancongan.

**S26: Aneeta seorang perunding asing dengan permit kerja Malaysia yang berurusan dengan pengendali *resort* untuk mengawasi pembangunan projek di *resort* tersebut. Pengendali *resort* menyediakan penginapan untuk Aneeta di *resortnya*. Adakah Aneeta perlu membayar cukai pelancongan?**

J26: Aneeta tidak akan dianggap sebagai pelancong yang menginap di *resort* dan penginapan Aneeta tidak tertakluk kepada cukai pelancongan sekiranya Aneeta mengemukakan kad permit kerja yang sah semasa mendaftar di *resort*.

**S27: Adakah kapten kapal pesiaran warga asing yang bekerja di Malaysia di bawah permit kerja Malaysia dikehendaki membayar cukai pelancongan apabila dia menginap di sebuah hotel ketika kapal itu berlabuh di mana- mana pelabuhan di Malaysia?**

J27: Ya, kapten kapal tersebut bertanggung untuk membayar cukai pelancongan yang dikenakan oleh mana-mana pengendali premis penginapan di Malaysia.

**S28: Siapakah yang bertanggungjawab untuk mengakaun cukai pelancongan jika penginap enggan membayarnya?**

J28: Pengendali premis penginapan bertanggungjawab untuk mengakaunkan cukai pelancongan yang enggan dibayar oleh penginapannya.

**S29: Petronas menggunakan jurutera asing untuk melakukan pembaikan di pelantar minyak. Apabila jurutera itu tidak bekerja di pelantar, mereka diberi penginapan di sebuah hotel di tanah besar. Adakah jurutera itu dianggap sebagai pelancong dan bertanggung untuk membayar cukai pelancongan?**

J29: Ya, jurutera itu dianggap sebagai pelancong dan bertanggung untuk membayar cukai pelancongan yang dikeluarkan oleh pengendali premis penginapan.

**S30: Misha mengendalikan premis penginapan dan didaftarkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Bolehkah Misha menggabungkan cukai pelancongan**

**dan cukai perkhidmatan yang dikutip dalam satu penyata?**

J30: Tidak, Misha dikehendaki mengemukakan penyata yang berasingan iaitu penyata TTx untuk cukai pelancongan dan penyata SST-02 untuk cukai perkhidmatan.


**S31: Bilakah saya perlu mengenakan cukai pelancongan untuk kontrak tempahan berkumpulan pada masa hadapan di mana saya menerima bayaran terlebih dahulu untuk tempahan tersebut di hotel saya tetapi kewarganegaraan penginap belum diketahui?**

J31: Apabila pengendali yang berdaftar untuk cukai pelancongan menerima bayaran terlebih dahulu, pengendali tidak dikehendaki untuk mengenakan cukai pelancongan sehinggalah kumpulan pelancong itu menginap dan mendaftar masuk.



**LAMPIRAN 1**

Contoh invois yang dikeluarkan oleh pengendali yang berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 yang juga berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 ;

<b>HOTEL GRAND SDN. BHD.</b> Jalan Masa 75000 Bandar Hilir Melaka Tel : 06-8768356 Email : hotel.abc@gmail.com		 <b>HOTEL</b> SST ID: (WXX-1901-32000XXX) TTx ID : (000012345789)
<b>INVOICE</b>		
Bill to: Hakim Bin Syarie No 76 Jalan Masjid 06000 Jitra Kedah	Invoice No: 870008 Date : 5 September 2023	
Date	Description	Amount (RM)
3 September 2023 to 5 September 2023	Room charges (RM200.00/night)	400.00
	Service charge (10% X RM400.00)	40.00
	Total	440.00
	Service Tax (6%)	26.40
	Heritage Tax (RM2/night)	4.00
	Tourism Tax (RM10/night)	20.00
	<b>TOTAL CHARGES</b>	<b>RM490.40</b>

**Contoh invoice yang dikeluarkan oleh pengendali yang berdaftar di bawah Akta  
Cukai Pelancongan 2017 ;**

**HOTEL VIEW SDN. BHD.**

Jalan Ulam  
47000 Petaling Jaya  
Selangor  
Tel : 03-8768356  
Email.: hotel.view@yahoo.com



**TTx ID :**  
(000098764321)

**INVOICE**

**Bill to:**  
Kenneth Leow  
25, Kent Ridge Road  
Singapore 119077

Invoice No: 870008  
Date : 5+- October 2023

Date	Description	Amount (RM)
3 – 4 Oct. 2023	Room charges	150.00
	Service charge	15.00
4 - 5 Oct. 2023	Room charges	150.00
	Service charge	15.00
	Tourism Tax (RM10/night)	20.00
<b>TOTAL CHARGES</b>		<b>RM350.00</b>